

Bank Islam, Kuin bangunkan masjid waqaf

KUALA LUMPUR - Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) bakal membangunkan sebuah masjid waqaf yang dinamakan Masjid Insaniah di kampus Kuin, Kuala Ketil, Kedah dengan kos pembinaan bernilai RM150 juta.

Projek yang dibangunkan di bawah nama Dana Waqaf Insaniah itu bakal ditadbir dan diuruskan oleh Majlis Agama Islam Kedah.

Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat berkata, bagi membangunkan projek tersebut, Bank Islam bakal bertindak dalam mengurus dan menyelenggara dana tabung waqaf yang akan ditubuhkan.

"Dana itu bertujuan untuk mengumpul kutipan yang diperolehi daripada sumbangan orang awam, badan dan agensi kerajaan dan syarikat-syarikat kor-



ZUKRI (kiri) dan Mohd. Yusof menandatangani MoU di Kuala Lumpur baru-baru ini.

porat untuk projek tersebut.

"Selain itu, kerjasama ini juga akan membolehkan Bank Islam untuk menyediakan perkhidmatan kewangan berteraskan syariah yang sewajarnya bagi melicinkan lagi pengurusan harta waqaf.

"Ia dilaksanakan tepat pada masanya bagi menye-

barluas peranan serta kepentingan instrumen muamalat dan keberkesanan waqaf sebagai satu kaedah yang berpotensi untuk dibangunkan seiring dengan arus pembangunan perdana," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Terdahulu, satu memorandum persefahaman

(MoU) telah ditandatangani oleh Zukri dan Rektor Kuin, Datuk Mohd. Yusof Kasim baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mohd. Yusof berkata, pembinaan Masjid Insaniah dapat memartabatkan lagi peranan Kuin sebagai salah satu pusat pendidikan Islam terulung negara ini.

"Dengan termeterainya MoU tersebut, diharapkan lebih ramai anggota masyarakat terutamanya umat Islam serta badan-badan korporat akan tertarik untuk membuat sumbangan derma bagi pembinaan Masjid Insaniah ini," katanya.

Selain daripada fungsinya sebagai tempat beribadat, Masjid Insaniah juga akan berperanan sebagai pusat kegiatan masyarakat dalam aspek pendidikan, kemasyarakatan, kebajikan serta untuk kepentingan dan pertemuan bagi orang Islam.